

TEKS: RH

SEMINAR ILMU QIROAT:DARI RIWAYAH KE DIRAYAH

PER: UCAPAN PENGASAS RH QIROAT CENTRE

UCAPAN 1 : PENGENALAN QIROAT

Bismillahirrahmanirrahim , Assalamualaikum W.B.T,

Terima kasih saya ucapkan kepada Pengerusi Majlis, Cik Rafda, atas pengenalan yang mesra dan lancar.

Dengan izin Allah SWT, alhamdulillah kita semua bertemu pada pagi ini dalam majlis ilmu yang memfokuskan kepada Al-Quran dan Qiroat. Semoga kita semua diberkati dan sentiasa dalam redha Allah SWT.

Tidak lupa juga, jazakallahukhair kepada tetamu khas kita, Y.M. Raja Azmi Bin Raja Nazuddin dan Yang Berbahagia Puan Norizan Bt Md Nata selaku pemilik RH QC bersama,Y.M.Raja Faziana selaku francais RH QC, Yang Berbahagia Ust. Muhammad Amiri Bin Ab.Ghani, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Khairul Anuar Mohamad, Yang Berbahagia Ust.Dr Mohd Jismani Bin Yusoff, Yang Berbahagia Ust.Mahmood Zuhi Bin Mohd Noor sebagai Naib Presiden Persatuan Qiraat Malaysia, Yang Berbahagia Dato` Prof Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff selaku Pengerusi KIAS Insani Sdn.Bhd, Yang Berbahagia Ust.Haji Mohd Fairuz sebagai CEO Yayasan Al-Muhammadiyah dan YBhg Tan Sri/Puan Sri, Dato`/Datin, Tuan/Puan yang dirahmati Allah SWT sekalian. Selamat datang ke Seminar Ilmu Qiroat: Dari Riwayah Ke Dirayah.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua

penceramah, khususnya Yang Berbahagia Ust. Muhammad Amiri Bin Ab.Ghani, beliau adalah guru saya dan guru RH QC. Ust Amiri sememangnya amat rapat dengan RH QC dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pelajar dan warga RH QC. Ustaz Amiri telah memilih khas panel-panel ini berdasarkan pengkhususan Qiroat yang juga dalam bidang utama mereka. Maka, kita amat bertuah pada hari ini dengan ketiga-tiga panel penceramah kita akan mengupas dan berkongsi ilmu bersama kita dalam bidang Qiroat.

Jazakallahukhair, RH Qiroat Centre ucapkan kepada semua penyumbang seminar pada hari ini yang tidak mahu nama mereka disebutkan. Hadith Nabi SAW, diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, menjelaskan tentang tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah di Hari Kiamat, salah satunya adalah orang yang bersedekah secara sembunyi-sembunyi sehingga tangan kirinya tidak tahu apa yang diberikan oleh tangan kanannya.

RH Qiroat Centre juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, koordinator, kakitangan yang terlibat dalam penyediaan seminar ini. Kehadiran dan sumbangan semua adalah motivasi kepada RH Qiroat Centre untuk terus berkembang dalam bidang Qiroat Toriq Al-Syatibiyah dan Toriq Al-Toyyibah.

Ucapan saya akan terbahagi kepada 2 bahagian:

i) Mengapa topik Qiroat dipilih oleh RH Qiroat Centre dan

ii) Aktiviti dan tujuan RH Qiroat Centre

Belajar qiroat adalah (1) **sunnah Nabi** kerana setiap Qiroat mempunyai sijil sanad iaitu rangkaian bacaan dari pelajar ke para guru sehingga sampai kepada Nabi Muhammad SAW. Inilah yang dinamakan Qiroat yang mutawatir. Ke (2) bagaimana Qiroat memberikan faedah kepada kita dengan:

i) Memberikan hukum Fiqh

ii) Memahami sesuatu perkara dengan lebih jelas dan terperinci

Maka daripada inilah mazhab Imam Syafie, Imam Hanbali, Imam Maliki dan Imam Hanafi mengkaji satu persatu Qiroat atas perkara yang sama dan memegang pada sesuatu perkara berdasarkan kepada ayat yang sama dalam semua Qiroat Al-Quran.

Dibawah ini diberikan beberapa contoh dimana hukum Fiqh dihuraikan daripada Qiroat. Dan contoh selainnya berkenaan sesuatu keadaan yang dihuraikan secara terperinci.

a) Hukum Fiqh - 4 contoh

| 1 : TOPIK : WUDUK - MEMBASUH @ MENYAPU KAKI | | | |
|---|--|---|---|
| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
| 1 | Surah Al-Maidah, Ayat 6, Ms 108 | Nafi` , Ibnu Amir, Hafs, Kisaei, Ya`qub وَأَرْجُلِكُمْ Membaca dengan lam fathah | Ibnu Kathir, Hamzah, Abu Amru, Abu Ja`far, Kholaf Al-Asyir وَأَرْجُلِكُمْ Membaca dengan lam kasroh |
| | Ulasan | Apabila mengambil wuduk adalah perlu membasuh kaki tidak cukup hanya mengusap sahaja. Bab muka/tangan sama semua qiroat. | Qiroat ini pula hanya menyapu kaki.Tidak perlu membuka kasut dengan memadai menyapu kasut /khuf atau stokin sahaja. |
| 2: TOPIK : WUDUK - LELAKI TERSENTUH WANITA | | | |
| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
| 2 | Surah An-Nisa` , Ayat 43, Ms 85 | Hamzah,Kisaei, Kholaf Al-Asyir لَمْ يَسْتَمِ Tiada alif mad | Nafi` , Ibnu Kathir, Abu `Amru, Ibnu Amir, Asim, Yaqub, Kholaf Al-Asyir لَمْ يَسْتَمِ Ada alif mad |
| | Ulasan | Wuduk akan terbatal jika tersentuh wanita. Cth: Ketika tawaf | Majoriti pendapat wuduk akan terbatal jika ada niat lain dengan menyentuh wanita itu. |

3: TOPIK : SOLAT SUNAT DI DEPAN HIJR ISMAIL

| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
|------|---|--|---|
| 3 | Surah Al-Baqarah, Ayat 125 Ms 19 | Nafi` , Ibnu Amir وَآتَخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى Huruf kho fathah | Ibnu Kathir, Hafs,Hamzah, Abu Amru, Abu Ja`far,Kisaei, Kholaf Al-Asyir وَآتَخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى Huruf kho kasroh |
| | Ulasan | Amalan tentang solat sunat 2 rakaat di depan Hijr Ismail, adalah amalan lepas (Fe`el madhi) maka, disini menunjukkan boleh solat ataupun tidak perlu | Perintah perlu solat sunat 2 rakaat berhadapan Hijr Ismail selepas tawaf sunat. Ini adalah fe`el perintah untuk mengerjakan solat sunat. Maka, perlu laksana solat sunat ini. |

4: TOPIK : KAFFARAH (DENDA)

| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
|------|---|---|---|
| 4 | Surah Al-Maidah, Ayat 89, Ms 122 | Nafi` , Abu Ja`far, Ibnu Kathir, Abu Amru, Ya`qub , hafs, Hisyam وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمْ الْأَيْمَانَ Huruf qof syaddah | Syu`bah, Hamzah,Kisaei, Kholaf Al-Asyir وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمْ الْأَيْمَانَ Huruf qof fathah |
| | Ulasan | Kaffarah tidak perlu ditunaikan jika seorang itu hanya bersumpah sekali sahaja dan tersedar mungkin perkara itu tidak benar. Jika dia bersumpah lebih dari sekali, maka wajib bayar kaffarah. | Kaffarah wajib dibayar dengan 3 hari berpuasa apabila telah bersumpah dan didapati perkara itu tidak benar. |

4: TOPIK : KAFFARAH (DENDA)

| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
|------|--|--|--|
| 3 | Surah Al-Maidah, Ayat 89 Ms 122 | Nafi`, Abu Ja`far, Ibnu Kathir, Abu Amru, Ya`qub , hafs, Hisyam فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ | Syu`bah, Hamzah,Kisaei, Kholaf Al-Asyir فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ |
| | Ulasan | Kaffarah puasa secara 3 hari berturut-turut atau tidak berterusan | 3 cara bayaran kaffarah: i) Boleh bayar pada bila-bila masa ii) Dibayar semua sekali pada 1 masa iii) Diganti dengan nilai yang sama |

TOPIK : SUMPAH TALI PERSAUDARAAN

| | | | |
|--|--|--|---|
| | Surah An-Nisa`, Ayat 1, Ms 77 | Nafi`, Ibnu Kathir, Abu Amr, Ibnu Amir,`Asim, Ya`qub, Kisaei, Abu Ja`far, Kholaf Al-Asyir بِهِ وَالْأَرْحَامِ Mim fathah | Qiroat : Hamzah بِهِ وَالْأَرْحَامِ Mim kasroh |
| | Ulasan | Bersumpah atas nama Allah SWT sahaja | <ul style="list-style-type: none"> ● Qiroat ini bersumpah atas : ● i) Nama Allah SWT ● ii) Keluarga & tali persaudaraan/darah daging |

Berlainan Qiroat juga memberi penerangan yang lebih jelas kepada sesuatu perkara. - 4 contoh

| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
|--|---------------------------------|--|---|
| 1 : TOPIK : PEMILIK & RAJA | | | |
| 1 | Surah Al-Fatihah, Ayat 4, Ms 1 | Asim, Kisaei, Ya`qub,Kholaf Al - Asyir مَالِك Ada tambahan huruf alif | Ibnu Kathir,Abu `Amr, Ibnu Amir,Hamzah,Abu Ja`far مَلِك Tiada huruf alif |
| | Ulasan | Bermaksud pemilik Allah SWT pemilik Hari Pembalasan | Bermaksud raja/penguasa Maksud penguasa lebih khusus dari pemilik |
| | | مَالِك <ul style="list-style-type: none"> • Setiap raja boleh menjadi pemilik tetapi, setiap pemilik tidak boleh menjadi raja • Terdapat pendapat dalam Qiroat lain iaitu Syaza = tidak cukup mutawatir | |
| 2: TOPIK : ANGIN YANG MEMBAWA HUJAN | | | |
| 2 | Surah Al-A`raf, Ayat 57, Ms 157 | Asim: بَشْرًا | <ul style="list-style-type: none"> • Ibnu Amir : نَشْرًا • Hamzah , Kisaei , Kholaf Al-Asyir نَشْرًا • Nafi` ,Ibnu Kathir,Abu Amr,Abu Ja`far,Ya`qub : نَشْرًا |
| | Ulasan | Dengan adanya angin, maka turunlah hujan | Rujuk kepada angin yang sebarkan awan ke tempat yang turun hujan. |

| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
|--|-----------------------------------|--|--|
| 3: TOPIK : PENAFIAN ORANG KAFIR KEPADA KETERANGAN ALLAH | | | |
| 3 | Surah Al-Hijr, Ayat 15, Ms 262 | Ibnu Kathir سُكْرَتٌ Membaca dengan kasroh tanpa syaddah | Qiroat lain : سُكْرَتٌ Membaca dengan kasroh serta syaddah |
| | Ulasan | <ul style="list-style-type: none"> • Mata seperti mabuk atau bingung • Mata tidak fokus,apa yang dilihat tidak nyata | <ul style="list-style-type: none"> • Mata tertutup • Tidak dapat melihat kebenaran |
| 4: TOPIK : CARA KEHIDUPAN SEMULA SEEKOR KELDAI | | | |
| 4 | Surah Al-Baqarah, Ayat 259, Ms 43 | Qiroat: Nafi`, Ibnu Kathir, Abu Amru, Ya`qub, Abu Ja`far نُنشِرُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا | Qiroat :Ibnu Amir, `Asim, Hamzah, Kisaei, Kholaf Al-Asyir نُنشِرُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا |
| | Ulasan | Nabi Uzair - Diperlihatkan proses keldai hidup dari tulang bercantum, disaluti kulit. Dimasukkan roh sehingga keldai itu berdiri. | Keldai itu bangun dan hidup |

Daripada Al-Quran, 604 muka surat terdapat banyak lagi hukum dan penjelasan yang terperinci dari 10 Qiroat Toriq Al-Syatibiyah dan Toyyibah. Kepakaran dalam memahami setiap hukum dan keadaan perlulah dilakukan secara terperinci dengan i'rab dan tadabbur untuk mendapatkan makna yang jelas. Sekian, itu sahaja pengenalan Qiroat oleh saya, sekian, terima kasih.

| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
|--|-----------------------------------|---|--|
| 5: TOPIK : HUKUM PERTELINGKAHAN DI MASJIDIL HARAM | | | |
| 5 | Surah Al-Baqarah, Ayat 191, Ms 30 | Nafi`, Ibnu Kathir, Abu Amru, Ibnu Amir, `Asim Ya`qub, Abu Ja`far فَأَقْتُلُوهُمْ | Qiroat: Hamzah, Kisaei, Kholaf Al-Asyir تُقَاتِلُوهُمْ |
| | Ulasan | Tidak boleh membunuh seseorang di depan Masjidil Haram | Jika berkelahi dan kemudian dia berlari kedepan Ka`bah, maka tidak boleh diteruskan perkelahian itu. |
| 6: TOPIK : IBADAH UMRAH | | | |
| 6 | Surah Al-Baqarah, Ayat 191, Ms 30 | Nafi`, Ibnu Kathir, Abu Amr, Ibnu Amir, `Asim, Hamzah, Ya`qub, Kisaei, Abu Ja`far, Kholaf Al-Asyir وَالْعُمْرَةَ | Syaza - Hassan Al Bana وَالْعُمْرَةَ |
| | Ulasan | <ul style="list-style-type: none"> • Umrah - Jumhur ulama kata sunat bagi yang pertama • Wajib buat sekali umrah dan haji mengikut ayat | <ul style="list-style-type: none"> • Tidak wajib sebab umrah satu ayat dan haji pada ayat yang lain |

| Bil. | Surah,Ayat | Qiroat | Qiroat lain |
|----------------------------------|--|--|---|
| 7: TOPIK : HUKUM BERDUSTA | | | |
| 7 | Surah AL-Baqarah, Ayat 10, Ms 3 | Nafi`, Ibnu Kathir, Abu Amr, Ibnu Amir, Ya`qub, Abu Ja`far يُكذِّبُونَ Ya` dhommah dan syaddah dzal | `Asim, Hamzah, Kisaei, Kholaf Al-Asyir يُكذِبُونَ Ya` fathah |
| | Ulasan | Menipu atau tidak mempercayai Rasulullah SAW. | Menipu dalam sifat umum, tidak dikhususkan |

UCAPAN KE - 2 :AKTIVITI RH QC

Topik yang akan dikemukakan berkisar kepada aktiviti RH Qiroat Centre, secara ringkasnya,

Program Asas RH QC terdiri dari:

- i) Tajwid - Pelajari sifat huruf & makhraj (Bacaan yang tepat)
- ii) Qiroat 10 - Toriq Al-Syatibiyah & Toyyibah
- iii) Bahasa Arab - Fushah & Amiyah

Ketiga-tiga pembelajaran ini adalah bersama Guru Arab di RH QC.

Fokus RH QC adalah untuk menarik ramai pelajarnya untuk menjadi tenaga pengajar, sama ada untuk diri sendiri mengajar keluarga atau pelajar lain. Maka, RH QC cuba sedaya upaya dengan memantapkan fahaman mereka kepada setiap satu Qiroat. RH QC juga berpegang teguh kepada hadith Nabi Muhammad SAW “Sebaik-baik seorang itu adalah yang belajar dan mengajarkannya” maksudnya adalah belajar Al-Quran serta ajarkan kepada ramai.

Untuk menjadi seorang guru, seseorang itu perlulah mantap daripada segi usul dan kaedah membaca Qiroat di samping bacaan tajwidnya juga adalah baik. Dengan itu, RH Qiroat Centre menyediakan program yang dinamakan Program Integrasi/Program Sokongan.

Apakah Program Integrasi ini?

a) **Program Integrasi/Sokongan**

Semua guru yang mengajar di RH QC untuk Qiroat & tajwid hanyalah dari Mesir dan Syria. Program sokongan ataupun dinamakan Integrasi ini adalah diwujudkan oleh RH QC bagi memantapkan para pelajar

yang diharapkan akan menjadi tenaga pengajar di masa hadapan.

Program sokongan atau integrasi terdiri oleh 3 cabang:

i) Metodologi Qiroat 10 Toriq Al-Syatibiyyah dan Toriq Al-Toyyibah. Program ini disampaikan oleh YBhg. Ustaz Amiri, rakaman kelas yang dijalankan boleh didapati di linktree/Facebook.

ii) Tutorial bersama Graduan RH QC yang telah bersanad. Ini adalah bimbingan dari graduan yang memberi tumpuan hanya kepada Qiroat yang sukar difahami. Konsep ini berdasarkan tutorial yang dijalankan ketika pelajar universiti menghadapi subjek yang susah atau matapelajaran yang disertai ramai pelajar.

iii) Nota daripada RH yang berbentuk template untuk :

a) Qiroat Ifrad

b) Template Qiroat Jamak 10 Toriq Syatibiyyah & Toyyibah

Seperti yang dipaparkan di skrin ,template adalah penyusunan hukum-hukum yang sama dalam 1 jadual .

b) Program Loyalti

Semua program yang diambil (Tajwid-Qiroat-Bahasa Arab) membolehkan pelajar RH QC menyertai Kuiz untuk memenangi hadiah menarik. Hadiah-hadiah adalah berbentuk :

- Percuma 3 jam kelas tajwid untuk 10 pelajar
- Percuma pembelajaran Qiroat `Asim untuk 3 pelajar
- Hadith 40- Imam Nawawi (bersanad) untuk 20 pelajar
- Diskaun bagi menyertai program dengan rakan kongsi
- Hadiah Mega : Umrah 2 orang
- Hadiah Al-Quran Qiroat `Asim bagi 10 naskhah

InsyaAllah, perancangan masa depan RH Qiroat Centre:

1. Meluaskan pasaran ke China dan Australia
2. Pusat pembelajaran tahfiz dan pondok orang pencen beribadah
3. Menyediakan fasiliti untuk penghafaz Al-Quran bersama institusi Karantina daripada Jakarta, Indonesia.

Setakat ini pencerahan aktiviti dan tujuan yang diberikan oleh RH QC. Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.